

# Kuin terima rektor baharu

**KUALA KETIL** - Kolej Universiti Insaniah (Kuin) menerima kehadiran Profesor Datuk Dr Fakhruddin Abdul Mukti sebagai rektor baharu yang keempat, minggu lalu.

Pengarah Pusat Pemasaran, Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa, Hamlan Din berkata, rektor berkenaan yang juga merupakan Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Mesir (WAAG Malaysia) sudah pun memulakan tugasnya secara rasmi.

Menurutnya, pelantikan beliau dibuat bagi menggantikan rektor lama iaitu Profesor Datuk Mohd Yusof Kassim yang tamat perkhidmat-

**“Rektor berkenaan yang juga merupakan Presiden Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Mesir (WAAG Malaysia) sudah pun memulakan tugasnya secara rasmi.”** - Hamlan

an pada September tahun lalu.

“Majlis ringkas iaitu penyerahan tugas juga diadakan dan disampaikan oleh Pemangku Rektor disaksikan Exco Pendidikan Negeri Kedah, Datuk Tajuk Urus Mat Zain” katanya.



Fakhruddin yang dilantik sebagai rektor Kuin baharu.